

Anda dinasihatkan untuk hadir di Kaunter Janji Temu Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan **45 minit lebih awal dari masa janji temu** yang diberi bagi tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur

- Sekiranya anda datang lewat daripada masa janji temu anda, pemeriksaan anda berkemungkinan akan dijadualkan ke tarikh yang lain.
- Pastikan anda hadir awal untuk mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas , tempat letak kereta dan lain-lain.
- Sila bawa kad pengenalan/ passport untuk tujuan pengesahan.
- Sila bawa slip janji temu dan sebarang imej pemeriksaan dari hospital lain pada hari janji temu anda (sekiranya ada). Contoh: Filem Sinar-X, CT Scan, Ultrasound dan sebagainya.

Jika anda tidak dapat menghadiri janji temu ini, sila hubungi :

Tel: 03-7949 6688 (Kaunter Janji Temu IVU)

- Sila maklumkan kami 2 minggu lebih awal atau secepat yang mungkin sekiranya anda tidak dapat menghadiri janji temu ini.
- Anda akan dihubungi sekiranya terdapat sebarang perubahan pada tarikh janji temu yang diberikan.
- Sekiranya terdapat pertukaran pada nombor telefon anda, sila hubungi nombor telefon di atas untuk makluman kami.
- Sila simpan nombor telefon di atas dalam telefon bimbit anda supaya anda dapat mengenalpasti sebarang panggilan daripada pihak hospital berhubung janji temu anda.

JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN

PPUM

JANJI TEMU & MAKLUMAT PEMERIKSAAN

INTRAVENA UROGRAFI

(IVU)

BAHAGIAN PEMERIKSAAN:

NAMA:

NOMBOR PENDAFTARAN:

TARIKH JANJI TEMU:

MASA JANJI TEMU:PAGI/PETANG

CAJ PROSEDUR: RM.....DEPOSIT: RM.....

CAJ ALATAN (Kaunter PharmUMMC) : RM

NAMA ALATAN PERUBATAN :.....

ALAHAN/ ASMA: TIDAK/ YA

TARIKH HAID TERAKHIR:

JANJI TEMU DIBERI OLEH:

TARIKH :

Peringatan: Sila baca semua maklumat dalam risalah ini dengan teliti

1. Apakah itu pemeriksaan IVU?

IVU adalah suatu prosedur Radiologi yang menggunakan Sinar-X dan suntikan media kontras untuk mengkaji dan menunjukkan keabnormalan sistem urinari termasuk buah pinggang, ureter dan pundi kencing.

2. Berapa lamakah masa pemeriksaan IVU?

Diantara 45 minit hingga 1 jam, atau mungkin lebih lama sekiranya proses penurunan kontras adalah perlahan.

3. Adakah terdapat sebarang risiko terhadap pemeriksaan IVU?

IVU merupakan prosedur yang biasa dilakukan dan secara umumnya adalah selamat. Namun, pesakit yang mempunyai alahan terhadap iodine/ ubat atau pernah mengalami reaksi dengan media kontras pada pemeriksaan Radiologi yang terdahulu, perlu mengambil langkah berhati-hati dan memaklumkan kepada staf yang bertugas.

- Untuk pesakit wanita dalam kategori umur yang berkemungkinan untuk mengandung, pemeriksaan ini akan dilakukan 10 hari daripada tarikh pertama haid anda.

Persediaan Pesakit Sebelum Pemeriksaan IVU

- Berpuasa 6 jam sebelum prosedur. Sekiranya janji temu anda pada sebelah petang (2-5 petang), puasa selepas anda mengambil sarapan pagi yang ringan sebelum pukul 8.00 pagi.
- Anda diminta mengikuti diet yang teratur selama 2 hari sebelum prosedur (sila rujuk menu pemakanan).
- Makan 2 tablet Dulcolax seperti yang diarahkan.
- Sekiranya anda mempunyai alahan terhadap ubat, makanan laut atau mempunyai sejarah asma, sila maklumkan kepada staf janji temu.
- Sekiranya anda mempunyai preskripsi steroid (Prednisolone) anda dikehendaki untuk mengambil dos seperti yang telah ditetapkan.
- Kosongkan pundi kencing anda sebelum prosedur.

Menu Diet Serat Rendah Sebelum Prosedur IVU

- **Sarapan pagi-** Telur rebus dengan roti putih dan sebarang minuman tanpa susu.
- **Makan tengahari-** Sup/daging yang dikukus dan bebas minyak dengan nasi putih/roti.
- **Malam sebelum pemeriksaan IVU-** Air masak dibenarkan.